



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 19 FEBRUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BANTU 128 SYARIKAT TEMBUSI PASARAN UK MELALUI GLOBEX , BISNES, HARIAN METRO, M/S – 18	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	NELAYAN TERPAKSA TOLAK BOT, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 14	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

19/2/2026

HARIAN
METRO

BISNES

18

Bantu 128 syarikat tembusi pasaran UK melalui GLOBEX

Kuala Lumpur: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan untuk memperkasa 128 syarikat usahawan agromakanan tempatan bagi menembusi pasaran United Kingdom (UK) melalui pelaksanaan Program Global Export (GLOBEX) sepanjang tahun ini.

Pengerusinya, Aminuddin Zulkifli berkata, FAMA akan menjemput se-

ramai mungkin syarikat berpotensi menyertai inisiatif berkenaan dengan empat siri GLOBEX dirancang sepanjang tahun ini bermula pada suku pertama 2025 sebagai persediaan rapi ke pasaran antarabangsa.

Katanya, sebagai permulaan, seramai 32 syarikat usahawan agromakanan dari seluruh negara akan menyertai siri pertama

GLOBEX yang memberi fokus khusus kepada pasaran UK, selari dengan permintaan tinggi terhadap produk halal Malaysia.

"Program ini bukan sekadar pendedahan, sebaliknya platform pemerksaan menyeluruh termasuk strategi eksport, pengurusan kewangan, risiko mata wang dan pemedanan perniagaan dengan rakan industri global," katanya ke-

pada media selepas merasmikan Kursus Pemerksaan Eksport & Keusahawanan Global Siri 1: GLOBEX United Kingdom di sini, baru-baru ini.

Menurutnya, setakat ini, melalui kerjasama FAMA bersama Export Management Company (EMC), 32 usahawan tempatan membabitkan 244 unit simpanan stok (SKU) produk berjaya menembusi pasaran

UK, termasuk produk jenama Agromas yang kini dipasarkan di Halal Oriental Market Queensway.

Dalam usaha menyokong ekosistem eksport halal, Maybank Islamic turut tampil sebagai rakan strategik dengan menyediakan solusi kewangan dan bukan kewangan, termasuk kemudahan Halal Facilitation tanpa kos bagi membantu usahawan mendapatkan

penjiliran halal dan meningkatkan kesiapsiagaan eksport.

Selain itu, Salaam Market turut diperkenalkan sebagai platform digital perniagaan ke perniagaan (B2B) halal yang menghubungkan pembeli dan penjual dalam ekosistem perdagangan diyakini, sekali gus memperluas akses pasaran tempatan dan antarabangsa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/2/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	14



Nelayan terpaksa tolak bot

Muara Sungai Merang semakin cetek sejak 20 tahun

Oleh NORHASPIDA YATIM



MUHAMID



MADAN



MUHAMMAD KAMAL



HANAFIAH

Lebih 100 bot nelayan serta kira-kira 100 bot pelancong terjejas susulan keadaan muara Sungai Merang di Setiu, Terengganu yang semakin cetek yang berlarutan sejak 20 tahun lalu.

Situasi itu juga menyebabkan nelayan lima kampung iaitu Kampung Telaga Papan, Merang, Batu Rakit, Pengkalan Atap dan Pagar Besi sukar menggerakkan bot ke laut setiap kali air surut, sekali gus menjejaskan sumber pendapatan mereka.

Seorang nelayan, Muhamid Ismail, 75, dari Kampung Pagar Besi berkata, keadaan muara tahun ini adalah yang paling buruk sepanjang lebih 50 tahun turun ke laut.

"Saya mula turun ke laut sejak umur 18 tahun, sekarang sudah 75 tahun. Kawasan ini makin cetek dan tahun ini paling teruk.

"Kadang-kadang kena tolak bot sampai tiga kali di tiga tempat berbeza, baru boleh lepas. Terpaksa tunggu air pasang berjam-jam sebelum boleh keluar," katanya.

Menurutnya, nelayan kini terpaksa menunggu air pasang terlebih dahulu sebelum dapat melepasi laluan tersebut.

Seorang lagi nelayan, Madan Che Mat, 65, dari Kampung Gong Tengah, Merang berkata, usaha mendalami kawasan itu pernah dilakukan secara manual sebelum ini.

"Empat atau lima tahun lalu, kami korek guna cangkul untuk dalam kawasan ini. Sekarang guna jengkaut, tetapi pasir di sini tidak kekal lama.

"Tak sampai setahun, kawasan ini akan tertimbus semula dan terus tidak boleh dilalui. Kalau tak segera korek, biasanya bulan lima atau enam muara akan tertutup sepenuhnya," ujarnya yang menjadi nelayan sejak usia 16 tahun.

Pengusaha bot pelancong, Muhammad Kamal Dolah, 43, pula berkata, masalah air cetek menyebabkan bot hanya dapat keluar lewat pagi untuk membawa pelancong ke Pulau Redang, Lang Tengah atau Pulau Perhentian.

"Pelanggan merungut kerana bot tidak dapat

keluar awal. Kadang-kadang jam 10 pagi baru boleh bergerak disebabkan air surut dan muara cetek.

"Bukan tiada usaha untuk dalamkan muara ini. Sebelum ini ada usaha korek pasir dan angkut ke Mengabang Telipot dan Batu Rakit, tetapi ombak membawa semula pasir ke kawasan ini," katanya.

Menurutnya, keadaan itu turut menyebabkan kos penyelenggaraan bot meningkat apabila kipas bot yang rosak perlu diganti dengan kos sekurang-kurangnya RM600, manakala kerosakan kotak gear boleh mencecah lebih RM1,000.

Kerajaan lulus RM100,000

Sebanyak RM100,000 diperuntukkan bagi kerja-kerja pemuliharaan muara Sungai Merang yang semakin cetek sehingga menyukarkan pergerakan bot nelayan dan pengusaha bot pelancong di Merang, Setiu.

Exco Infrastruktur, Utiliti dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Datuk Hanafiah Mat berkata, peruntukan segera itu diluluskan minggu lalu dan kerja pemuliharaan telah dan akan dimulakan segera.

"Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Terengganu bertanggungjawab melaksanakan kerja mendalami serta memperluaskan muara bagi memastikan laluan keluar masuk bot selamat digunakan.

Tak sampai setahun, kawasan ini akan tertimbus semula dan terus tidak boleh dilalui. Kalau tak segera korek, biasanya bulan lima atau enam, muara akan tertutup sepenuhnya."

- Madan Che Mat

"Proses pemuliharaan ini merangkumi pengaliran untuk mendalami dan memperluaskan laluan muara yang sebelum ini semakin cetek sehingga menyukarkan pergerakan bot," katanya ketika ditemui di sini.

Hanafiah berkata, kerja-kerja berkenaan diharapkan dapat memberi penyelesaian jangka panjang bagi mengekalkan sumber pendapatan nelayan serta pengusaha bot pelancongan di kawasan itu.

Keadaan muara Sungai Merang yang cetek menyukarkan bot untuk keluar masuk melalui kawasan itu.